

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 13/12/2013

Muka surat: 1

Tajuk : Sarawak Harus Jadi Pusat Kajian Sumber Asli, Alam Sekitar Unggul.

## Sarawak harus jadi pusat kajian sumber asli, alam sekitar unggul

**KUCHING:** Sarawak harus dijadikan sebagai pusat kajian dan penyelidikan terunggul di negara ini terutama dalam bidang sumber asli dan alam sekitar.

Perkara ini dinyatakan oleh Timbalan Naib Canselor, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman ketika berucap merasmikan Dialog Sarawak: UNIMAS bersama Majlis Profesor Negara (MPN), Industri dan Masyarakat semalam.

Dengan kekayaan yang dimiliki dari segi sumber asli dan semula jadi, katanya, Sarawak merupakan sebuah tempat yang berpotensi sebagai tempat bagi menghidupkan sumber tenaga.

"Isu-isu berkaitan sumber asli dan alam sekitar di Sarawak mempunyai skop yang amat luas dan meliputi pelbagai aspek termasuk tenaga yang boleh diperbaharui.

"Justeru, tumpuan harus diberikan kepada bidang ini bagi memastikan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang," ujarnya pada dialog di Dewan Delima, Datar Putra, UNIMAS yang turut dihadiri Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Seki-

tar (MPN) Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo.

Dialog itu merupakan acara MPN dan diadakan secara bergilir di institusi pengajian tinggi di Malaysia bagi tahun 2013.

UNIMAS diberi kepercayaan untuk menganjurkan dialog berprestij itu yang akan turut diadakan di negeri-negeri lain iaitu Sabah, Pahang, Johor dan Selangor.

Dialog di Sarawak merupakan satu landasan bagi ahli akademik UNIMAS dan dari seluruh Malaysia, pemegang taruhan yang terdiri daripada industri dan masyarakat khususnya ketua-ketua masyarakat tempatan untuk membincangkan isu-isu persekitaran dan sumber alam yang berkaitan dengan negeri ini.

Seramai 100 orang peserta menghadiri dialog tersebut dari pelbagai institusi pengajian tinggi, industri dan masyarakat.

Dr Ibrahim turut bertindak sebagai moderator dan merangkumi pembentangan jemputan oleh pakar-pakar dalam beberapa bidang utama seperti persekitaran dan sumber alam, sosiobudaya dan ekonomi bersama ahli-ahli panel jemputan UNIMAS.